

Galakan menghafaz *al-Qur'ān al-Karīm*

Hadiah atau sagu hati, adalah merupakan galakan yang dapat mendorong seseorang dalam satu-satu usaha.

Apalagi kalau usaha itu membawa kebaikan dan faedah umum.

Begitulah kita dapati beberapa banyak peraduan-peraduan diadakan orang di berbagai-bagai bidang dan lapangan, gunanya selain untuk hiburan, untuk menguatkan perhubungan, perkenalan, pertunjukan dan lain-lainnya, juga untuk memelihara lapangan yang diperadukan itu jangan hilang ditelan zaman, jangan lekas dilupakan, atau janganlah usaha memajukannya tidak ada langsung diperhatikan orang.

Di Tanah Melayu dan di Indonesia

Baharu-baharu ini pernah kita dengar usaha yang dibuat orang untuk menggalakkan menghafal *al-Qur'ān al-Karīm* di negeri Terengganu. Dan khabarnya telah pun diadakan peraduan menghafal *al-Qur'ān al-Karīm* tersebut dengan mendapat sambutan yang baik. Dan pernah juga kita dengar peraduan yang seperti itu diadakan di Indonesia. Tetapi sambutan yang diberikan oleh orang ramai dalam lapangan ini belum lagi memuaskan, dan belum diketahui setakat mana peraduan yang seperti itu mencapai kejayaannya.

Mungkin ini kerana kurangnya penerangan yang cukup dan kurangnya saranan yang agak menarik yang sekira-kira orang ramai tampil memberikan kerjasama yang selayaknya. Namun demikian usaha-usaha tersebut patut dipuji.

Dan diharap pelopor-pelopor yang mengusahakan peraduan dalam lapangan menghafal *al-Qur'ān al-Karīm* ini melipat gandakan

semula usaha dan saranan mereka dengan lebih pesat lagi – sebagaimana yang diusahakan oleh penganjur-penganjur lapangan peraduan membaca *al-Qur'ān al-Karīm* yang sentiasa mendapat sambutan hangat dari masyarakat umat Islam di tanah air kita sekarang ini.

Di Mesir

Dan di Mesir pula sekarang ini khabarnya pihak kerajaan Republik Arab Bersatu telah menugaskan Kementerian Wakaf untuk mengadakan perujian menghafal Qur'an dari semasa ke semasa, dan tugas ini telah pun dijalankan dengan memberikan hadiah atau sagu hati yang berupa wang kepada pemuda-pemuda yang hafal Qur'an.

Hadiah pembaca al-Qur'ān

Di tanah air kita baharu-baharu ini, hadiah-hadiah berharga yang seperti itu telah dikeluarkan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu – malah hadiah itu lebih besar lagi – kerana dapat meningkat kepada menghantarkan pergi ke Mekah untuk menunaikan ibadah Haji kerana menjadi johan lelaki dan wanita yang terbaik dalam pembacaan *al-Qur'ān al-Karīm* yang diperadukan antara negeri-negeri Tanah Melayu.

Hadiah menghafal Qur'an

Kalau seandainya peraduan setakat membaca al-Qur'ān

sahaja begitu besar hadiahnya, maka tentulah tidak ada halangannya jika kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang mendasarkan Islam sebagai agama rasminya itu menggalakkan umat Islam dalam lapangan menghafal kitab suci al-Qur'ān itu memberikan hadiah-hadiah yang istimewa pula, dan begitulah seterusnya dalam lapangan-lapangan yang lain.

Hadiah-hadiah dengan Hubungan Sejarah

Sekarang marilah kita hubungkan pula, soal memberi hadiah kepada orang-orang yang hafal Qur'an, atau kepada orang-orang yang berkejayaan di dalam satu-satu lapangan ilmu pengetahuan yang lain, adakah perkara yang begini pernah berlaku dalam sejarah umat Islam?

Untuk menjawabnya marilah kita tinjau lembaran sejarah.

Umum telah mengetahui bahawa al-Qur'ān diturunkan oleh Allah ke atas Nabī Muḥammad (S.A.W) menerusi malaikat Jibrīl yang dibacakannya, maka baginda pun turut membacakannya. Kemudian baginda pun membacakannya kepada sahabat-sahabatnya sambung menyambung dan yang pandai tulis menuliskannya sehingga kebanyakan para sahabat hafal Qur'an.

Sebenarnya tugas menghafal Qur'an ini merupakan tradisi yang paling tua dalam sejarah Islam. Orang-orang yang hafal Qur'an dinamakan ((*huffāz*)) dan mereka ini tergolong daripada orang-orang yang berjasa besar kerana dapat memelihara kitab suci al-Qur'ān itu daripada hilang atau diubah atau dipinda atau dipalsukan atau sebagainya. Walau pun kemudiannya Qur'an itu telah ditadwinkan (dibukukan) menjadi naskhah yang tetap tulisannya dan ejaannya,

titik-titiknya dan barisan-barisannya, ayat-ayatnya dan surat-suratnya, yang tidak dikhuatiri akan dirubah orang, tetapi janganlah umat Islam sampai terlalu menghafalkannya atau melupakannya – ibarat si buta yang melalaikan tongkatnya.

Galakan menghafal Qur'an ini mestilah diadakan dari semasa ke semasa, terutama mengingat bahawa tokoh-tokoh yang hafal Qur'an di kalangan umat Islam pada masa ini telah mulai susut dan semakin berkurangan, akhirnya akan kehabisan langsung – tidak ada lagi umat Islam yang hafal Qur'an iaitu hafal mengikut erti kata yang sebenarnya. Jika ini berlaku, maka tetaplah sudah umat Islam akan diibaratkan sebagai orang buta yang betul-betul telah melupakan tongkatnya.

Jalan untuk menggalakkan umat Islam menghafal Qur'an itu tidak syak lagi dengan memperbanyakkan hadiah dan sagu hati, kerana sejarah umat Islam sendiri ada mencatatkannya, iaitu orang-orang yang hafal Qur'an diberi hadiah yang menggembirakan. Ini ada diceritakan di dalam sirah (riwayat hidup) seorang besar yang bernama 'Abdullah ibn al-Mubāarak. Ceritanya demikian:

Bahawasanya 'Abdullah ibn Mubāarak (meninggal pada tahun 182 Hijrah) adalah salah seorang alim yang terbesar pada zamanya dan zāhid orangnya (tak menggemari kemewahan dunia). Dan tinggal di bandar ((al-Raqqah)). Pada masa khalifah Hārūn al-Rashīd melawat bandar tersebut, beliau telah menziarahi 'Abdullah ibn al-Mubāarak di rumahnya.

Semasa khalifah hendak pulang, 'Abdullah ibn al-Mubāarak telah berkata kepada beliau: ((Wahai

Amīr al-Mu'minīn! Saya takut kalau-kalau ilmu pengetahuan itu akan lenyap sebelum Tuanku lenyap, sebagaimana dia telah pun lenyap dari kalangan kami.))

Mendengar itu khalifah pun menjawab: ((Benar kata-kata tuan hamba itu benar.))

Kemudian manakala Harūn al-Rashīd telah kembali ke Iraq, rancangan yang mula-mula dibuatnya ialah menulis surat pengumuman yang dikirimkan kepada semua pegawai-pegawai wilayah negeri jajahan takluknya dan juga kepada semua ketua-ketua tenteranya – yang mana antara kandungannya – seperti berikut:

((Adapun kemudian daripada itu, hendaklah kamu menimbangkan pekerjaan orang-orang yang menjadi tukang azan, daftarkanlah mereka dengan memberi kurnia 1000 dinar. Adapun orang-orang yang bekerja mengumpulkan Qur'an (menghafalnya), dan orang-orang yang rajin menuntut ilmu, serta orang-orang memakmurkan (membangunkan) majlis-majlis pelajaran dan ilmu kesusasteraan, daftarkanlah tiap-tiap seorang daripada mereka dengan memberikan kurnia 2000 dinar. Akan orang-orang yang mengumpulkan Qur'an dan perawi hadith dan orang-orang yang lulus ilmu undang-undang (fikah) serta luas pula ilmu pengetahuannya, hendaklah didaftarkan dengan memberikan kurnia sebanyak 4000 dinar. Orang-orang yang telah didaftarkan tersebut hendaklah diuji kepandaianya terlebih dahulu oleh orang-orang yang telah masyhur pada zamannya dan terkenal di kalangan kamu sebagai orang-orang yang ahli dalam jurusan tiap-tiap ilmu pengetahuan tersebut. Dengarlah apa kata mereka dan patuhilah perintah mereka, kerana sesungguhnya Allah telah berfirman:

Aṭī'ū Allāha wa aṭī'ū al-rasūli wa ulī al-amru

minikum – ((Taatilah olehmu akan Allah dan Rasul serta ketua-ketua kamu.))

Demikianlah isi surah pengumuman tersebut.

Maka 'Abdullah ibn al-Mubārak telah menceritakan bahawa rancangan yang telah dijalankan oleh khalifah Harūn al-Rashīd itu telah mendatangkan kesan yang sangat baik dan kejayaan yang gilang gemilang, seraya ia berkata:

((Semenjak itu, berlumba-lumbalah para ulama dan para qari, berlumba-lumbalah orang-orang yang berbuat kebajikan, berlumba-lumbalah orang-orang yang menjauhi perkara-perkara yang haram, dari sehari ke sehari semakin bertambah banyak bilangan mereka, jika dibandingkan dengan masa selepas wafatnya Rasulullah (S.A.W) dan masa Khulafa' al-Rāshidīn, maka bilangan mereka pada masa pemerintahan Harūn al-Rashīd lebih banyak lagi.))

Harapan

Kesan yang kita dapati dari catatan sejarah ini dapat kita simpulkan, bahawa memberikan hadiah, sagu hati, atau kurnia yang berupa kewangan terhadap kepada orang-orang yang hafal Qur'an itu telah pun menjadi suatu perkara yang biasa dilakukan oleh umat Islam di dalam sejarahnya.

Maka kini setelah kita tatap sejarahnya, janganlah hendaknya umat Islam sekarang ini ragu-ragu lagi untuk meneladani dan mencontohnya, bahkan hendaklah ianya kita jadikan terus sebagai suatu tradisi.



(sambungan dari muka 6)

umum diketahui kalau banyak dapat gadis kan dikatakan ubat muda. Sukarno mau terus muda sebab itu ia lebih utamakan tempat perangnya daripada lain-lain perkara. Begitulah di Indonesia – di antara ((pemimpin negara)) dengan rakyat jelata.

* * *

Musim haji telah tiba. Di Mekah berhimpunlah umat Islam dari seluruh dunia Islam kerana menunaikan fardu haji. Tahun dahulu di sana diadakan muktamar Islam dan wakil bagi Malaya dan Singapura telah pun dilantik oleh muktamar itu iaitu orang yang dikenal mereka, iaitu Dato' Syed Ibrahim bin Umar al-Saqaf. Hampir setahun telah berjalan. Khabarnya Dato' Syed Ibrahim akan ke Mekah pula akan hadir di dalam muktamar itu dengan sifatnya sebagai wakil umat Islam Singapura khususnya seperti yang dikhabarkan. Ini bagus, cuma orang hanya mau tau, apakah dengan nama umat Islam itu hanya semau-maunya sahaja membawa usul? Orang-orang tentu ingin pula tahu adakah beliau pernah meminta fikiran orang-orang atau badan-badan Islam di Singapura dan Tanah Melayu tentang perkara-perkara yang difikirkan patut? Sesungguhnya tidak bijak langkah seperti ini – fikiran dan pendapat ramai tidak diminta.

* * *

Encik Yusof bin Ishak, Yang Dipertuan Negara Singapura, dengan kurnia Allah, akan belayar menunaikan fardu haji ke *Bayt Allāh al-Harām* bersama-sama dengan isterinya, Puan Noor Aishah. Pemergian ini adalah menjadi bukti, bahawa beliau adalah seorang pemeluk agama yang tawaduk kepada Allah. Semoga Allah memberi rahmatnya dan

menyelamatkan perjalanannya pergi dan balik dan mudah mudahan hajinya *al-mabrūr – Āmīn*.

* * *

Terbit daripada Konfrontasi Indonesia kepada Malaya, maka Malaya sekarang terpaksa bergiat untuk menambah kekuatan pertahanannya, terutamanya alat senjatanya untuk menghadapi segala kemungkinan yang dilakukan oleh Sukarno yang berangan-angan hendak membesarkan daerahnya terutamanya ke daerah-daerah yang kaya seperti Malaysia. Langkah ini disokong rakyat sepenuhnya terutamanya oleh pihak-pihak pembangkang, dikecualikan PAS. Melihat gelagat ini Subandrio menyatakan bahawa rakyat Indonesia hampir-hampir ada seratus milion banyaknya. Tentunya rakyat yang banyak akan mudah menakluk rakyat yang sedikit yang berada hanya tujuh milion. Kalau perkiraan ini dipakai tentunya benar sebab kalau 100 milion orang Indonesia dapat dikerah Sukarno untuk kencing sahaja, tentunya di Malaya akan banjir. Tetapi Sukarno melupakan psikologi yang lain bahawa orang-orang di Malaya sihat-sihat, cukup makan, tidak makan tikus, sedang rakyat Indonesia kerana perbuatan Sukarno, kelaparan dan menderita dan setengah-setengahnya sudah tidak punya baju lagi. Mungkin¹ kalau Sukarno memerintah terus mereka akan balik asal, ambil daun-daun untuk pakaiannya. Adakah yang banyak seperti ini akan berfaedah? Ini apa lagi orang-orang di Malaya tahu bahawa saudara-saudaranya di seluruh Sumatera, Kalimantan Utara dan Sulawesi tunggu saatnya sahaja untuk menggulingkan Sukarno. Lihatlah kelak buktinya!

* * *

¹ Perkataan sebenar ialah mungkin

Jabatan Agama Islam Kedah dalam perkara berpoligami menyatakan penyelesaian terhadap sikap setengah-setengah anak-anak Islam yang masih terpengaruh dengan fahaman-fahaman yang salah dan berani berkata siang-siang hari: Islam sendiri mengharamkan poligami dengan membawakan pengertian)) jika tidak dapat berlaku adil, maka beristerilah satu.)) Mereka memahamkan, kata jabatan itu, bahawa Tuhan mengharuskan poligami dengan bersyarat. Iaitu disandarkan kepada firman Allah yang menyatakan bahawa tidak sekali-sekali kamu berkuasa mengadakan keadilan di antara isteri-isteri kamu, sekalipun sebenarnya kamu ingin hendak mendirikan. Menurut jabatan itu perbuatan ini memesongkan kehendak-kehendak itu padahal agama Islam meluluskan dengan tidak bersyarat dengan membawa beberapa alasan kuat dan *ma'qūl*.

Perkara ini sepatutnya disemak semula oleh Jabatan Agama Selangor dan pihak berkuasa di Singapura yang dinasihati oleh ahli-ahli penasihat Islam Singapura memerhatikan persoalan ini. Ahli-ahli ((cerdik pandai)) di majlis itu harap berfikiran waras mendirikan hak-hak Islam jangan diperkosa sehingga ada umat Islam sekarang yang dihukum kerana melanggar undang-undang negeri bernikah dengan tidak menyatakan ada isteri lain. Kepayahan mereka. Kalau disebut ada isteri. *Chief Kadi* yang diberi kuasa enggan menikahkan sehingga berpuas hati kepada syarat-syarat yang dikehendakinya yang tidak ada dikehendaki oleh syarak. Begitulah nasibnya umat Islam.

* * *

Buat lakukan gertak-gertaknya kepada Malaya, Subandrio harus telah minta kepada Menteri Pertahanan Rusia yang

sedang melawat Tenggara Asia sekarang berada di Indonesia menyatakan bahawa Menteri Pertahanan Rusia itu berjanji akan membantu lagi alat-alat pertahanan Indonesia. Bagus Karno, beras dan pakaian tidak diperlukan untuk rakyat yang menderita. Yang perlu senjata iaitu untuk langkah menindas rakyat dan untuk menyerang negeri orang bagi meluaskan jajahan takluk. Supaya ia nanti jadi ((King Nero))

* * *

Tahun 1963 telah berjalan memasuki bulannya yang keempat sekarang. Sehingga kepada empat bulan ini, ahli-ahli Majlis Penasihat Islam Singapura yang habis masanya akhir tahun 1962 belum berganti lagi. Belum isytihar lantikan-lantikan baharu diadakan. Apakah lantikan-lantikan ini tertahan kerana telah berlaku ribut-ribut terhadap kepada perkara-perkara Mahkamah Syariah pada penggal-penggal akhir tahun tahun 1962? Orang ramai bertanya-tanya. Ada setengahnya memandang, bahawa harus sedang dipilih calon-calon baharu yang layak dan boleh diharap untuk mempertahankan hukum agama yang tidak akan melembutkan gigi daripada lidahnya atas soalan-soalan yang bertentangan dengan syarak. Kalau sangkaan ini benar, disyukuri. Tetapi ada juga orang menyangka bahawa sedang dicari ((yang boleh dicucuk hidungnya, yang pakai ((XXX cologne)) sahaja atau mana patut sahaja)) supaya mudah dibuat sesukanya kemudian dikatakan sudah dinasihati oleh majlis apabila hendak mengemukakan sesuatu kepada umum. Kalau ini benar sangat didukacitakan, sebab nanti tiap-tiap perkara yang dikemukakan jadi ribut, sebab umat Islam tidak akan mau diam.